

26/04/1997

Malaysia tolak tawaran Israel

PETALING JAYA, Jumaat - Malaysia menolak permintaan Israel yang berulang kali mahu perhubungan diplomatik dengan negara ini kerana kerajaan Yahudi itu belum memberi kebebasan kepada rakyat Palestin.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, selagi Israel tidak mematuhi perjanjian dengan terus memusuhi rakyat Palestin dan gagal memberi kebebasan kepada mereka, Malaysia tidak akan mengadakan hubungan diplomatik dengannya.

"Kita masih belum mahu mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel kerana sehingga kini mereka belum beri kebebasan kepada orang Palestin walaupun Israel telah berkali-kali meminta mewujudkan perhubungan," katanya menjawab soalan peserta dalam sesi dialog selepas berucap di Simposium Antarabangsa Mengenai Dunia Islam Dan Kerjasama Global: Persediaan Untuk Abad Ke-21, hari ini.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, langkah itu tidak bermakna Malaysia akan terus bermusuhi (dengan Israel) tanpa mencari penyelesaian.

Umat Islam terpaksa menanggung kos yang tinggi akibat kematian dan kemunduran.

"Kita menyokong usaha mencari perdamaian.

"Ini berdasarkan ajaran al-Quran yang menyatakan kalau ada orang yang sanggup berdamai, kita harus berdamai.

"Memang benar kita bermusuhi, tetapi kalau dia (Israel) ingin berdamai, kita terima perdamaian itu," katanya.

Beliau menjelaskan kerajaan membenarkan kemasukan pelajar Yahudi dan pasukan kriket Israel ke Malaysia baru-baru ini bagi membolehkan mereka mendapat gambaran sebenar mengenai umat Islam negara ini yang boleh bersikap rasional dan bekerjasama dengan kaum lain.

"Untuk selesaikan masalah ini, kita harus berbuat sesuatu yang positif.

"Sebab itu kita ambil tindakan luar biasa membenarkan mereka datang ke sini," katanya.

Dr Mahathir turut menegaskan, Malaysia tidak akan mengambil sikap yang boleh merugikan umat Islam dan rakyat Palestin dengan menyokong perjuangan Israel.

"Kita telah sokong rakyat Palestin lebih daripada yang lain, begitu juga sokongan terhadap orang Islam di negara lain walaupun terpaksa menanggung beban menghantar tentera ke sana.

"Kita tidak akan mengkhianati perjuangan Islam, tetapi perjuangan bukan semata-mata dengan cara pembunuhan kerana ada cara lain yang tiada kurangnya," katanya.

(END)